A

SYED ADNAN SYED ABDULLAH

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
SURIYADI HALIM OMAR HMR
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: C-05-59-2000]

C

20 SEPTEMBER 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Niat membunuh - Sama ada dibuktikan - Sama ada tindakan membunuh disebabkan bangkitan marah besar dan mengejut - Sama ada rayuan terhadap sabitan dan hukuman mati dibenarkan*

D

Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman mati yang dikenakan ke atasnya oleh hakim bicara di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Perayu didapati membunuh seorang perempuan di sebuah pondok selepas perempuan tersebut ('simati') menolak kemaraannya. Kematian simati disebabkan kecederaan teruk di kepalanya akibat pukulan trauma tumpul. Keterangan menunjukkan bahawa terdapat lebih dari satu pukulan ke atas kepalanya. Perayu dalam pembelaannya mendakwa bahawa dia memukul simati dengan sebatang kayu sekali sahaja dan ia berbuat demikian disebabkan simati menimbulkan kemarahannya dengan kata-kata kesat terhadapnya. Hakim bicara menolak pembelaan perayu atas dasar tidak boleh dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa yang telah dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah.

E

F

G

Isu utama dalam rayuan ini ialah sama ada tindakan perayu membunuh disebabkan bangkitan marah besar dan mengejut. Perayu mendakwa bahawa tindakan tersebut tidak dirancang dan ianya satu tindak balas terhadap tindakan simati membangkitkan kemarahannya. Mahkamah diminta mempertimbangkan sabitan kesalahan perayu di bawah s. 304 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kematian tanpa niat untuk membunuh.

H

I

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Hasan Lah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kesalahan kes semasa berlaku pada 27 Januari 1997 iaitu sebelum berkuasanya pindaan kepada s. 180 Kanun Prosedur Jenayah. Dengan itu, beban ke atas pihak pendakwa adalah seperti dinyatakan dalam kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* iaitu bukti melampaui keraguan munasabah di penutup kes pihak pendakwa. Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa telah dianalisa dan ditimbang oleh hakim bicara secara menyeluruh dan dengan betul. Kesemua keterangan ikut keadaan yang ada tanpa mengambilkira percakapan beramaran perayu menjurus kepada satu kesimpulan sahaja iaitu perayu yang membunuh simati. Hakim bicara betul dalam keputusannya bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu. Ianya mengikut bahawa keputusan hakim bicara adalah betul dalam panggilan perayu mengemukakan pembelaannya. (perenggan 25)

(2) Hakim bicara telah mempertimbangkan pengecualian 1 dan 4 s. 300 Kanun Keseksaan. Beliau telah memutuskan bahawa keterangan perayu mengenai apa yang berlaku di dalam pondok tempat kejadian (iaitu perayu memukul kepala simati dengan kayu sekali sahaja dan pukulan itu didahului dengan pertengkaran kata-kata kesat daripada simati dan pukul memukul dengan kayu di antara mereka) merupakan fikir semula ('afterthought') perayu untuk melepaskan diri daripada pertuduhan. Hakim bicara telah memperhalusi dan mempertimbangkan dengan teliti pembelaan perayu. Beliau telah memberi penilaian sepenuhnya ke atas pembelaan perayu. Dalam membuat keputusannya sama ada berkaitan isu fakta atau undang-undang yang berbangkit daripada pembelaan perayu, hakim bicara tidak ada melakukan apa-apa kesilapan atau salah arah dalam undang-undang. (perenggan 31, 33, 34 & 35)

(3) Kecederaan simati jelas menunjukkan perayu memukul simati bertalu-talu di kepala dan bukan sekali sahaja seperti yang didakwanya. Keterangan pakar patologi forensik menunjukkan lebih daripada satu pukulan telah ditujukan kepada kepala simati. Maka, hakim bicara betul dalam keputusannya bahawa pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa terhadapnya. (perenggan 35)

A **(4)** Beban perayu mewujudkan pembelaan di bawah pengecualian 1 dan 4 s. 300 Kanun Keseksaan berdasarkan imbangan kebarangkalian. Hakim bicara memutuskan bangkitan marah datang dari perayu sendiri. Apa yang dilakukan dan diucapkan oleh simati sebelum dia diserang perayu, jikapun benar, tidak
B mencukupi untuk membentuk satu bangkitan marah besar dan mengejut. Tiada sebab juga perayu mengejar simati hingga ke dalam pondok selepas simati menolak kemahuannya hendak bercumbu di luar pondok. Tiada sebab juga perayu menyerang simati tanpa belas kasihan. Bangkitan marah tersebut
C disebabkan dan dimulakan oleh perayu sendiri dan perayu menggunakan alasan tersebut untuk menyerang simati. (perenggan 39)

(5) Hakim bicara dipercayai telah menggunakan ujian "seorang yang
D munasabah" walaupun tidak jelas dinyatakan dalam keputusannya kerana ujian tersebut adalah satu prinsip undang-undang yang mantap. Mengikut ujian tersebut, perbuatan dan percakapan simati terhadap perayu sebelum diserang oleh perayu tidak membentuk bangkitan marah besar dan mengejut untuk
E mengakibatkan perayu hilang kawalan ke atas dirinya dan mewajarkan tindakbalas yang begitu kejam. Juga proviso (a) kepada pengecualian 1 s. 300 Kanun Keseksaan terpakai terhadap perayu kerana perayu sendiri yang menyebabkan simati bertindak sedemikian rupa terhadapnya. (perenggan 40)

F **(6)** Perayu telah mengambil kesempatan berlebihan atau bertindak kejam secara luar biasa. Perayu telah menerajang simati hingga tersungkur dan seterusnya memukul kepala simati dengan kayu beberapa kali sehingga menyebabkan kecederaan luka robek
G berganda kepala simati serta patah tulang berganda. Tiada sebab perayu perlu menyerang simati dengan begitu kejam sedangkan kayu dirampasnya daripada simati dan dengan itu simati tidak bersenjata. Lagipun, simati seorang perempuan dan pada ketika itu tidak mampu menyerang dan tidak merupakan ancaman serta
H bahaya kepada perayu. (perenggan 42)

(7) Hakim bicara tidak terkhilaf apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah di akhir kes. (perenggan 43)

I *[Sabitan dan hukuman mati dikekalkan.]*

***English** Translation Of Headnotes*

This was the appellant's appeal against his conviction and the death sentence passed upon him by the trial judge pursuant to s. 302 of the Penal Code. The appellant was found to have murdered a woman in a hut after the woman ('the deceased') had turned down his advances. The deceased succumbed to her death as a result of serious injuries suffered from blunt trauma to her head. The evidence showed that the deceased's head was struck with more than blow. In his defence, the appellant contended that he had only hit the deceased once with a wooden rod, and that he did that because the deceased had provoked him with harsh and insulting words. The trial judge had dismissed the appellant's defence as unreliable and failing to raise any reasonable on the prosecution's case, which had been proved beyond reasonable doubt.

The primary issue that arose was whether the act of murder was agitated by grave and sudden provocation. The appellant argued that his act was not premeditated and was only a reaction to the deceased's provocation. The court in any case was asked to consider a conviction under s. 304 of the Penal Code, namely for committing culpable homicide not amounting to murder.

Held (dismissing appeal)
Per Hasan Lah JCA delivering the judgment of the court:

(1) The offence was committed on 27 January 1997, that is before the coming into force of the amendment to s. 180 Criminal Procedure Code. Consequently, the burden on the prosecution is as pronounced in *Arulpragasan Sandaraju v. PP*, namely proof beyond reasonable doubt at the end of the prosecution case. The evidence as adduced by the prosecution had been assessed and analysed in its totality by the trial judge. Without the need even to factor in the appellant's cautioned statement, the available circumstantial evidence had all pointed to only one conclusion, *viz*. that the appellant had murdered the deceased. The trial judge was right in his finding that the prosecution had proved its case against the appellant beyond reasonable doubt. It follows that it was proper for the trial judge to have called for the appellant to enter his defence.

(2) The trial judge had considered exceptions 1 and 4 to s. 300 Penal Code, but concluded that the appellant's evidence as to what transpired in the said hut (*ie*, that the appellant had hit the deceased with a wooden rod once and that the blow came

A after a quarrel and harsh insults by the deceased and exchange of blows with wooden rod as between them) was an afterthought created by the appellant to avoid the charge. The trial judge had meticulously examined the appellant's defence. In coming to his findings, whether on the issue of facts or law, the trial B judge had not committed any error or misdirection in law.

(3) The injuries on the deceased clearly showed that the appellant had assaulted her incessantly and not once as alleged. The evidence of the forensic pathologist evinced more than one blow C having been inflicted on the deceased's head. The trial judge was hence right in his finding that the appellant's defence was not creditworthy and had not raised any reasonable doubt on the prosecution's case against him.

D **(4)** The burden born by the appellant to raise a defence under exceptions 1 and 4 of s. 300 Penal Code was one of on the balance of probabilities. The trial judge had ruled that the provocation was emanating from the appellant and not otherwise. What was done and said by the deceased before she E was attacked, even if true, did not amount to a grave and sudden provocation. There was also no reason for the appellant to have chased the deceased into the hut after the deceased had repelled his attempt to engage in a kissing session outside the hut. Likewise, there was no reason for the appellant to have F attacked her so savagely. The provocation, taken as an excuse by the appellant to attack the deceased, was attributable to and begun by the appellant himself.

(5) The trial judge had presumably employed "the reasonable man" test, it being a trite principle of law, although it was not so G explicitly stated in the judgment. On that principle, the action and utterances of the deceased prior to the attack by the appellant could not result in grave and sudden provocation as to render the appellant to lose his self-control and justify his atrocious reaction. Further, proviso (a) to exception 1 of s. 300 H Penal Code applied against the appellant since it was the appellant who had triggered the deceased to have acted the way she did.

(6) The appellant had taken extreme undue advantage or acted with I ruthless cruelty. The appellant had kicked the deceased until she foundered, and then continuously hit her head with a piece of wood thereby injuring the head with multiple lacerations, and

further causing multiple compound bone fracture. There was no reason for the appellant to attack the deceased with such savagery bearing in mind that he had grabbed the wood from the deceased who was therefore unarmed. Furthermore, the deceased was a woman and at the material time was clearly harmless.

(7) The trial judge did not err in ruling that the prosecution had succeeded in proving its case against the appellant beyond reasonable doubt at the end of the case.

[Conviction and death sentence affirmed.]

Kes-kes yang dirujuk:
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Bala Anak Matik v. PP [2006] 2 CLJ 229 CA ***(dirujuk)***
Chan Chwen Kong v. PP [1962] 1 LNS 22 HC ***(dirujuk)***
Che Omar Mohd Akhir v. PP [2007] 3 CLJ 281 FC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Ikau Anak Mail v. PP [1973] 1 LNS 51 FC ***(dirujuk)***
Lorensus Tukan v. PP [1988] 1 CLJ 143; [1988] 1 CLJ (Rep) 162 SC ***(dirujuk)***
Mat Sawi Bahodin v. PP [1958] 1 LNS 37 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hanif Basree Abdul Rahman [2008] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Teoh Seng Lian v. PP [1985] 1 LNS 108 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 180
Penal Code, ss. 300, 304

Bagi pihak perayu - Bernard George; T/n Tay, Bernard & Cheong
Bagi pihak responden - Azizan Md Arshad TPR; Jabatan Peguam Negara

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuantan; Perbicaraan Jenayah No: 45-4-1998]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Hasan Lah HMR:

Pengenalan

[1] Perayu adalah tertuduh pertama di Mahkamah Tinggi Kuantan yang menghadapi pertuduhan membunuh sementara Mohd. Yusuf bin Hitam iaitu tertuduh kedua dituduh bersubahat dengannya melakukan kesalahan tersebut. Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

A Bahawa kamu, pada 27hb. Januari, 1997 di antara jam 7.37 malam hingga 10.00 malam, bertempat di kawasan pelupusan sampah Kampung Bentan, Kuala Pahang, dalam Daerah Pekan, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, dengan niat membunuh, telah menyebabkan kematian terhadap Kamriah binti Ismail (No. KPT: 590320-03-5548) berumur 38 tahun, maka kamu dengan ini, telah
B melakukan kesalahan membunuh dengan niat yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun keseksaan.

[2] Di akhir kes, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan oleh hakim bicara dan dia dijatuhkan hukuman mati. Perayu merayu
C terhadap keputusan tersebut dan pada 24 Mac 2010 kami telah menolak rayuan perayu tersebut dan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan telah dikekalkan. Alasan-alasan bagi keputusan kami adalah seperti berikut.

D **Kes Pendakwaan**

[3] Kes pihak pendakwaan sebagaimana yang telah dirumuskan oleh hakim bicara daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan ialah simati bekerja sebagai seorang pelayan pelanggan atau GRO di Lazer Bar, Kuantan. Simati telah menjalini hubungan cinta dengan
E Mohd Yusuf bin Hitam ("Yusuf") iaitu tertuduh kedua yang sering mengunjungi tempat simati bekerja bersama-sama dengan perayu.

[4] SP15 (Maziah bt Mustafa) dan simati tinggal di sebuah rumah pangsa di Jalan Wong Ah Jang, Kuantan. Pada 27 Januari
F 1997 jam 11 pagi simati telah datang ke bilik SP15 dan memberitahu SP15 bahawa dia hendak keluar bersama perayu untuk pergi ke rumah Yusuf di Peramu, Pekan. Simati berada bersama SP15 sehingga dia meninggalkan rumah pangsa tersebut tengah hari itu. Semasa simati berada di dalam bilik SP15, SP15 ada mendengar
G dua kali panggilan telefon perayu kepada telefon bimbit simati. Panggilan pertama meminta simati menunggu di bilik dan panggilan kedua menyuruh simati turun daripada rumah pangsa tersebut.

H **[5]** Pada petang hari yang sama simati menghubungi SP15 melalui telefon bimbit SP15 sebelum dan selepas waktu berbuka puasa. Simati ada menyatakan di mana dia berada dan dengan siapa serta apa yang mereka lakukan. Itulah kali terakhir SP15 bercakap dengan simati. SP15 ada cuba menghubungi simati selepas itu
I tetapi tidak berjaya. SP15 ada berjumpa dengan perayu dua hari selepas itu dan bertanya ke mana mereka pergi dan di mana simati dan perayu menjawab mereka hanya pergi berjalan-jalan dan dia tidak tahu di mana simati.

[6] Jasad rentong simati telah ditemui oleh SP6 (Abdul Rahim bin Mohd Shah) pada pagi 30 Januari 1997 semasa dia pergi ke kawasan buangan sampah sisa kilang di Kampong Bentan, Peramu, Pekan. Dia memaklumkan perkara itu kepada majikannya SP9 (Ahmad Safarudin bin Mustafa) yang datang ke tempat itu dan mengesahkannya sebagai mayat manusia dan seterusnya menghubungi pihak polis.

[7] SP30 (Lathifi bin Ahmad) bertugas sebagai Ketua Polis Daerah Pekan ketika itu dan sebagai pegawai penyiasat kes telah pergi ke tempat kejadian yang terletak lebih kurang 6km daripada IPD Pekan pada pagi 30 Januari 1997. SP9 dan SP6 telah menunjukkan kepadanya mayat simati yang didapati terbakar dan identiti serta jantina tidak dapat dipastikan. Mayat tersebut terletak 6-7 meter daripada pondok kayu bertiang yang didalamnya terdapat 2 bilik tidur dan satu ruang tamu. Dia nampak kesan darah diseret daripada ruang tamu ke arah tangga dan pada anak tangga. Sebatang kayu beluti P10 dijumpai di ruang tamu dekat pintu masuk dan padanya terlekat sehelai rambut. SP30 juga jumpa skaf P48 di ruang tamu pondok itu serta kasut biru P47 di luar pintu. SP30 juga nampak jam tangan P46 ditangan simati dan waktunya menunjukkan pukul 8.20. Pada mayat simati juga terdapat cebisan-cebisan seluar warna biru dan baju putih.

[8] Pakar Patologi SP7 yang ketika itu bertugas di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan telah dibawa oleh polis ke tempat mayat dijumpai pada hari yang sama. Dia mengesahkan mayat itu adalah mayat seorang wanita berumur 30an yang mati dalam masa tiga hari. Dia mengarahkan supaya mayat dibawa ke HTAA untuk bedah siasat dan menghubungi pakar forensik di Hospital Kuala Terengganu untuk buat bedah siasat. SP7 mengenalpasti mayat tersebut adalah mayat wanita daripada punggungnya dan kemaluannya. Dia juga mendapati bahagian kemaluan mayat ditutup dengan tuala wanita yang separuh terbakar. SP7 telah memeriksa keadaan di tempat kejadian dan membuat kesimpulan bahawa simati dibunuh di dalam pondok iaitu dipukul dengan kayu seperti P10 yang terdapat di situ, ditarik keluar mengikut kesan darah dari pondok ke tempat mayat dijumpai dan di bakar. Katanya kalau pukulan dengan kayu itu ditujukan ke kepala kemungkinannya ia menyebabkan kematian, kalau di badan tidak semestinya menyebabkan kematian.

[9] SP24, pakar patologi forensik, yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat simati pada 1 Februari 1997 berpendapat mayat itu telah mati kurang daripada seminggu sebelum pembedahan. Pemeriksaannya ke atas jasad itu mendedahkan luka robek pada dahi, luka robek berbentuk Y di kepala kiri di atas telinga, luka robek pada pelipis kanan, luka robek berbentuk Y di belakang kepala sebelah kanan, luka-luka bakar dari kepala ke sebahagian kaki serta patah tulang radius dan ulna kanan. Pemeriksaan dalaman menunjukkan patah tulang tengkorak berganda yang mengenai tulang dan temporal kiri, tulang parietel kiri, tulang obsipital, di sebelah kiri dan kelihatan retak itu terus ke tulang parietal kanan. Tidak ada jelaga didapati di dalam saluran pernafasan. SP24 membuat kesimpulan jasad itu ialah seorang perempuan dewasa yang sudah rentong sebahagiannya. Terdapat luka robek berganda di kelapa serta patah tulang tengkorak berganda. Terdapat kesan pendarahan otak. Disimpulkan jasad itu telah mati dulu baru dibakar. Sebab kematian adalah kecederaan teruk di kepala akibat trauma tumpul di kepala.

[10] P10 dikatakan boleh menyebabkan luka robek yang terdapat pada jasad itu. Dengan terdapatnya luka robek yang berganda dan di berlainan tempat, SP24 lebih cenderung mengatakan luka-luka itu ditujukan di kepala dan bukan akibat terjatuh. Tulang radius dan ulna patah disebabkan percubaan simati menangkis – sebagai luka tangkis. Pada pendapat SP24 juga kecederaan di kepala simati itu memang cubaan untuk mematikannya. Adalah sukar untuk mangsa boleh hidup daripada kecederaan sedemikian. Lebih daripada satu pukulan telah ditujukan dan mengenai kepala simati. SP24 menafikan saranan peguambela bahawa kecederaan yang dialami adalah akibat tendangan yang kuat ke badan simati dan dia jatuh kerana biasanya kalau jatuh hanya satu tulang sahaja yang patah.

[11] SP22 (Syed Mohd Radzuan bin Syed Abdullah) adik lelaki perayu berada di rumah sewa rakan perempuannya SP18 pada petang 27 Januari 1997. Rumah itu terletak di Kampong Permatang Chichar iaitu tidak jauh dari Kampong Bentan. Mereka sedang makan selepas berbuka puasa apabila perayu datang dengan menaiki kereta Proton warna biru. Perayu makan, mandi dan berehat di situ hingga larut malam. Perayu membawa bersamanya dua telefon bimbit P9 miliknya dan P12. Jawapan perayu kepada pertanyaan SP18 mengenai P12 ialah "Handphone orang mabuk". Kedua-dua P9 dan P12 telah diuji oleh SP18 dan SP22 dengan membuat panggilan antara satu dengan yang lain dan didapati berfungsi. SP18

melihat nombor 018-898 dan beberapa angka lain timbul pada P9 apabila berhubung dengan P12. Perayu telah meninggalkan P12 bersama SP22 setelah baterinya dikeluarkan. Walau bagaimanapun SP22 telah menggunakan P12 untuk menghubungi perayu pada 29 Januari 1997 dengan meminjam bateri dan dengan bantuan rakan sekerjanya SP21. P12 tanpa bateri itu kemudian ditanam oleh SP22 di bawah rumah SP18. Pada 4 Februari 1997 SP22 telah ditahan polis dan dia telah menunjukkan kepada SP30 tempat P12 ditanam dan P12 dirampas untuk dijadikan barang kes. Bateri P43 yang dijumpai di dalam kereta CAC 4985 yang dipandu oleh perayu semasa dia ditangkap di Kuantan didapati sesuai digunakan untuk telefon bimbit P12.

[12] Pergerakan perayu pada malam itu seterusnya dikesan di kedai runcit SP5 (Alina binti Harun) di Kampong Semangat, Jalan Pekan-Kuantan. SP5 dikejutkan dari tidurnya pada 28 Januari 1997 lebih kurang pukul 2 pagi apabila perayu mengetuk pintu rumah kedainya dan memberitahunya dia kehabisan minyak dan meminta membeli segelen minyak petrol. SP5 yang lazimnya menjual minyak petrol dengan harga RM2 sebotol kepada pelanggan orang kampong itu bersetuju menjual lima botol. Perayu menolak keretanya ke hadapan kedai SP5 yang menghulurkan botol-botol minyak itu kepadanya melalui tingkap. Setelah mengisi minyak perayu memberitahu SP5 dia tidak ada duit dan dia telah meninggalkan sebentuk cincin belah rotan kepada SP5 dengan pesanan dia akan datang esok lepas berbuka puasa. SP5 tengok nombor kereta perayu dan menulisnya dengan pensil pada kertas. Lepas itu kerana takut tulisan itu hilang dia tulis pula pada kotak ubat nyamuk. SP5 mengecam cincin P22 sebagai cincin yang diberi kepadanya oleh perayu.

[13] Kereta CAC 4985 telah dibawa oleh seorang lelaki Melayu ke stesyen Esso di Jalan Bukit Ubi, Kuantan pada 28 Januari 1997 pukul 10 pagi. Ini dicatit oleh SP11 (Chia Yee Foo) dalam bukunya P36 yang diambil oleh polis pada 5 Februari 1997. Mengikut SP11 lelaki itu telah mengarahnya untuk mencuci di luar dan dalam kereta dan juga memvakum. SP12 (Fatimah bt Serin) peniaga kereta sewa di Kuala Rompin mengakui kereta Proton Saga CAC 4985 adalah kepunyaannya. Dia kenal perayu sebagai mekanik keretanya sejak setahun sebelum meminjamkan kereta itu kepada perayu secara lisan pada 14 Januari 1997 pukul 12.30 malam untuk dua hari tanpa bayaran. Pada 20 Januari 1997 perayu menelefonnya minta sambung guna kereta tersebut tetapi disuruh hantar balik. 3-4 hari kemudian perayu menelefonnya lagi dan sekali lagi disuruh

A pulangkan kereta itu tetapi tidak dipulangkan. Perayu menelefon SP12 lagi pada 30 Januari 1997 dan apabila perayu gagal menyerah balik keretanya SP12 telah membuat laporan polis di Rompin pada 1 Februari 1997. Pada 2 Februari 1997 dia mendapat tahu kereta CAC 4985 berada di Balai Polis Pekan.

B

[14] Mengikut SP19 (Syed Zamri bin Syed Abdullah) perayu telah datang ke rumahnya di Kampong Bukit Ubi, Kuantan pada 31 Januari 1997 pukul 2-3 pagi dan menyerah kepadanya dua surat pajak P14A dan B untuk disimpan selama 4-5 hari. Apabila
C mendapat tahu perayu telah ditangkap SP19 telah memberitahu hal itu kepada pihak polis. Barang-barang kemas yang tersenarai di dalam P14A dan B telah dirampas oleh SP30 daripada kedai pajak gadai SP4 pada 5 Februari 1997. Barang-barang kemas tersebut ialah 2 rantai leher P15 dan P16, rantai tangan P17, 2 bentuk cincin P18
D dan P19 dan loket P20. SP4 mengesahkan yang perayu telah datang sendiri ke kedainya pada 28 Januari 1997 untuk menggadai barang-barang kemas tersebut.

[15] P9 ialah telefon bimbit perayu yang telah dibeli oleh perayu
E bersama adiknya SP25 di Johor pada 4 November 1996 dengan menggunakan nama dan alamat SP20 (Zulkifli bin Jantan). Telefon bimbit itu didaftar dengan nombor 010-7157551 dan P9 hanya digunakan oleh perayu selepas 15 Januari 1997. P12 telah dibeli oleh simati pada 5 September 1996 dan didaftar dengan nombor
F Mobikom 018-8982042. SP15 pada tempoh yang material telah menggunakan telefon bimbit bernombor 010-9899658 yang dibekal oleh SP29 kepadanya. P53 iaitu bil bulan Januari 1997 menunjukkan lima panggilan dibuat daripada telefon bimbit P9 kepada nombor telefon P12 kepunyaan simati pada 27 Januari 1997 antara pukul
G 12.16 petang ke 2.55 petang dengan dua panggilan terakhirnya untuk tempoh 20 saat dan 14 saat sahaja. P45D iaitu bil telefon P12 mengesahkan panggilan simati daripada Pekan kepada SP15 pada pukul 6.34 petang dan 7.37 malam iaitu waktu-waktu sebelum dan selepas berbuka puasa. P53 juga menunjukkan satu lagi panggilan
H dibuat daripada P9 kepada P12 pada 28 Januari 1997 pukul 2.11 pagi selama 16 saat. Panggilan-panggilan ini adalah konsisten dengan keterangan SP15 mengenai panggilan-panggilan telefon yang diterima oleh simati daripada perayu pada hari tersebut. Walaupun waktu panggilan yang dinyatakan oleh SP15 berbeza dengan apa
I yang tercatat dalam P53 tetapi penjelasan SP15 bahawa dia menerima panggilan telefon berikutnya daripada simati lebih 2 jam kemudian iaitu sebelum berbuka puasa (mengikut P45D pada pukul 6.34 petang) adalah konsisten dengan bukti dokumentari itu.

Panggilan yang dibuat pada pukul 2.11 pagi itu menyokong keterangan mengenai ujian telefon yang dibuat oleh SP22 dan SP18 semasa perayu datang ke rumah mereka. A

[16] Percakapan beramaran perayu yang dirakam oleh SP28 (Ketua Inspektor Mohd Saidi bin Abd. Rashid) pada 5 Februari 1997 telah diterima masuk oleh hakim bicara sebagai P61. Dalam P61 perayu telah mengesahkan yang dia telah membuat temujanji dengan simati dan telah membawanya ke Pekan dengan menaiki kereta Proton Saga CAC 4985 yang disewanya. Dia mereka alasan bahawa Yusuf hendak berjumpa simati sedangkan tujuan sebenarnya ialah untuk menggoda simati. Dalam perjalanan ke Pekan mereka masuk ke Kampong Bentan dan setelah berlegar mencari tempat yang sesuai mereka telah berhenti di sebuah pondok kosong untuk bercumbu. Apabila perayu cuba mencium simati dia telah ditampar di muka dan dituduh menipu. Oleh kerana malu perayu telah menerajang simati dengan kakinya menyebabkan simati jatuh terlentang ke lantai dan pengsan. Perayu mengambil sebatang kayu yang ada di situ dan memukul simati di bahagian kepalanya. Perayu termenung seketika kerana panik. Kemudian perayu telah merasa nadi simati dan mendapati dia tidak lagi bernyawa. Kemudian dia telah mengheret jasad simati menuruni tangga dan dengan diterangi cahaya pemetik api dia telah mengambil barang-barang kemas serta telefon bimbit simati sebelum menutup jasadnya dengan surat khabar dan kain yang ada di situ. Perayu telah beredar dari situ lebih kurang pukul 8 malam dan pergi ke rumah adiknya SP22 di mana telefon bimbit simati ditinggalkan tanpa bateri dengan pesanan supaya tidak menggunakannya. Perayu juga mengesahkan yang dia telah singgah di sebuah kedai di Kampong Semangat pada lebih kurang pukul 2 pagi dalam perjalanannya balik ke Kuantan kerana kereta kehabisan minyak dan di situ dia membayar harga minyak dengan sebentuk cincin. Perayu mendakwa dia bermalam di sebuah flat di Jang Wong Ah Jang dan pada pagi esoknya dia menghantar kereta untuk dicuci di stesyen Esso Jalan Bukit Ubi dan pergi ke kedai pajak gadai di mana dia telah menggadai semua barang kemas simati dengan harga RM1,150. Perayu juga mendakwa telah pergi ke Kuala Terengganu bersama dua orang rakan perempuannya dan apabila balik semula ke Kuantan pada 30 Januari 1997 dia telah pergi ke Jalan Bukit Ubi di mana dia telah meninggalkan resit gadai di rumah adiknya untuk simpanan. Dia telah ditangkap pada tarikh yang sama di Lazer Bar di Jalan Wong Ah Jang. B C D E F G H I

[17] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah memutuskan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah terhadap perayu tetapi telah gagal membuktikan kes terhadap Yusuf. Oleh itu Yusuf telah dilepas dan dibebaskan manakala perayu telah diperintah untuk mengemukakan pembelaan.

Kes Pembelaan

[18] Untuk kes pembelaannya perayu telah memberi keterangan bersumpah. Perayu tidak memanggil saksi-saksi lain untuk kes pembelaannya. Kes pembelaan perayu telahpun dirumuskan oleh hakim bicara seperti berikut:

> Keterangan pembelaan T-1 tidak jauh berbeza dengan apa yang dinyatakannya dalam P61 sehingga mereka sampai di pondok kosong di Kg. Bentan. Cerita T-1 berubah di situ apabila dia mengatakan Kamriah telah menuduhnya menipu dan menamparnya dan dia menamparnya balik. Ini dikatakan berlaku di luar kereta. Kamriah juga dikatakan telah cuba menyerangnya dengan kasut dan kemudian lari naik ke atas pondok itu. T-1 mengejarnya dan mereka bertengkar lagi di atas pondok di mana Kamriah telah menggunakan kata-kata yang kesat terhadapnya. T-1 mendakwa telah hilang pertimbangan lalu menerajang Kamriah dengan kaki kirinya dengan kuat hingga dia tersungkur tetapi bangun semula dan dengan mencapai sebatang kayu di atas lantai telah memukul T-1 dengannya. T-1 telah merampas kayu itu dan membalas pukulan di kepala Kamriah tetapi dapat dielak. Walau bagaimanapun pukulan kedua T-1 kena kepala Kamriah dan dia jatuh ke lantai. T-1 menafikan berniat untuk mencederakan Kamriah dan juga menafikan P10 adalah kayu yang digunakan. Dia mengaku memukul Kamriah sekali sahaja dengan kayu. Apabila meyedari Kamriah telah meninggal dunia T-1 telah membawa jasad simati turun tangga ke hadapan pondok itu. Dia mengaku telah mengambil barang-barang kemas dan telefon bimbit simati dengan diterangi lighter tetapi menafikan telah membakar jasad itu. Bahkan dia menafikan telah menutup mayat itu dengan kayu atau papan (seperti ketika mayat dijumpai – lihat gambar P6(10).

Keputusan Hakim Bicara

[19] Hakim bicara antara lainnya memutuskan bahawa pembelaan perayu selain daripada mengesahkan yang simati menemui ajalnya ditangan perayu di pondok tersebut adalah tidak selari dengan apa yang diceritakannya dalam percakapan beramaran P61 dalam aspek-aspek penting yang menjejaskan kredibilitinya. Pembelaan perayu juga didapati bercanggah dengan dan tidak disokong oleh keterangan lisan dan senyap yang dikemukakan dan diterima. Cerita perayu

bahawa dia membawa simati ke Pekan pada hari tersebut untuk mencari Yusuf hanyalah rekaannya kerana sebenarnya dia hendak membawa simati untuk bercumbu.

[20] Hakim bicara seterusnya memutuskan keterangan perayu bahawa dia memukul kepala simati dengan hanya satu pukulan selepas berlaku pertengkaran dengan simati dan simati mengeluarkan kata-kata kesat terhadapnya dan kejadian pukul memukul dengan kayu di antara mereka merupakan cubaan perayu untuk mewujudkan suasana yang boleh menimbulkan bangkitan marah besar dan mengejut sebagai alasan tindakan keterlaluan perayu itu adalah fikir semula (afterthought). Hakim bicara berpendapat tidak wujud bangkitan marah besar dan mengejut atau pergaduhan mengejut yang boleh menimbulkan Pengecualiaan 1 atau 4 s. 300 Kanun Keseksaan. Beliau seterusnya memutuskan pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan ia tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan terhadapnya.

Alasan Rayuan

[21] Di hadapan kami peguambela perayu yang terpelajar telah mengemukakan satu alasan rayuan utama iaitu hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa Pengecualian-Pengecualian 1 dan 4 s. 300 Kanun Keseksaan tidak terpakai.

[22] Dalam hujahnya peguambela terpelajar telah merujuk kepada keterangan perayu yang menyatakan simati menuduhnya menipu dan simati menamparnya dan selain itu simati mengeluarkan kata-kata kesat. Simati menyerang perayu dengan kasut dan kasut tersebut terkena dahi perayu menyebabkan terdapat benjul di dahi perayu. Simati telah memaki hamun perayu pada masa itu dengan mengeluarkan perkataan berikut:

(a) "jantan celaka"

(b) "penipu, dasar lelaki nak ambil kesempatan"

[23] Perayu mengatakan disebabkan oleh bangkitan marah yang dimulakan oleh simati dia hilang kawal perasaan marah dan menerajang simati dan seterusnya ada memukul simati dengan kayu. Peguambela perayu berhujah bahawa dalam memutuskan sama ada tindakan simati itu telah menimbulkan bangkitan marah besar dan mengejut kepada perayu ujian yang harus dipakai ialah ujian seorang yang munasabah ("reasonable man") dalam kelas masyakarat yang sama seperti perayu apabila berada dalam situasi yang sama seperti

perayu seperti yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Lorensus Tukan v. PP* [1988] 1 CLJ 143; [1988] 1 CLJ (Rep) 162. Beliau seterusnya berhujah bahawa hakim bicara telah gagal mengguna ujian "reasonable man" ini apabila memutuskan sama ada perayu telah berjaya menimbulkan pembelaan bangkitan marah besar dan mengejut. Beliau juga merujuk kepada kes *Mat Sawi bin Bahodin v. Public Prosecutor* [1958] 1 LNS 37.

[24] Peguambela perayu seterusnya berhujah bahawa perayu juga telah berjaya menimbulkan pembelaan di bawah Pengecualian 4 s. 300 kerana terdapat perkelahian mengejut ("sudden fight") dan perayu tidak mempunyai niat membunuh simati. Kes *Teoh Seng Lian v. Public Prosecutor* [1985] 1 LNS 108 dirujuk oleh peguambela terpelajar mengenai isu ini.

Keputusan Mahkamah Rayuan

[25] Di dalam kes ini selain daripada eks. P61 iaitu percakapan beramaran perayu, kes pihak pendakwa adalah bergantung kepada keterangan ikut keadaan sebagaimana yang telah diulaskan oleh hakim bicara di dalam alasan penghakiman beliau. Oleh kerana kesalahan ini berlaku pada 27 Januari 1997 iaitu sebelum pindaan kepada s. 180 Kanun Prosedur Jenayah berkuatkuasa maka beban ke atas pihak pendakwa adalah seperti dinyatakan dalam kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597 iaitu bukti melampaui keraguan munasabah di penutup kes pihak pendakwa (*Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645).

[26] Dalam kes ini hakim bicara telah memakai beban bukti yang betul di penutup kes pihak pendakwa sebagaimana yang tedapat pada ms 353 rekod rayuan di mana beliau memutuskan kes terhadap perayu telah dibuktikan tanpa keraguan. Eksibit P61 iaitu percakapan beramaran perayu telah diterima masuk oleh hakim bicara setelah perbicaraan dalam perbicaraan diadakan. Kami mendapati hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila menerima masuk eks. P61 berdasarkan keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan dalam perbicaraan tersebut. Lagipun eks. P61 tidak dipertikaikan dalam rayuan perayu di hadapan kami.

[27] Adalah didapati apa yang dikatakan oleh perayu dalam eks. P61 adalah konsisten dengan keterangan-keterangan saksi-saksi pihak pendakwa mengenai apa yang berlaku kepada simati sebelum dan selepas kematiannya. Perkara ini telah dinyatakan oleh hakim bicara dalam alasan penghakiman beliau seperti berikut:

23. Pengakuan T-1 dalam P61 bukan sahaja mengesahkan penglibatan dirinya dengan kematian Kamriah tetapi juga konsisten dengan keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwa mengenai apa yang berlaku kepada Kamriah sebelum dan selepas kematiannya dan yang berkaitan dengannya. Jika semua keterangan dan hal keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa hanya menunjukkan kepada T-1 sebagai satu-satunya orang yang telah menyebabkan kematian Kamriah dengan penerimaan P61 tidak lagi boleh dinafikan yang dialah orang yang melakukannya. Pukulan dengan kayu beluti P10 di kepala simati membuktikan niat untuk membunuh.

[28] Ujian yang terpakai bagi keterangan mengikut keadaan telah dinyatakan dengan jelas dalam beberapa keputusan kehakiman. Umpamanya dalam kes *Chan Chwen Kong v. Public Prosecutor* [1962] 1 LNS 22, Thomson CJ berkata:

Where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner?

[29] Dalam kes *PP v. Hanif Basree Abdul Rahman* [2008] 4 CLJ 1 Zaki Tun Azmi PMR berkata pada ms 16 dan 17:

[27] Circumstantial evidence is defined in no better words than in the remarks in the case of *Idris v. PP* [1960] 1 MLJ 296, which quoted Lord Cairns' in the House of Lords case of *Belhaven & Stenton Peerage* [1875-1976] App. Cas. 278 at p 279:

My Lords, in dealing with circumstantial evidence we have to consider the weight which is to be given to the united force of all the circumstances put together. You may have a ray of light so feeble that by itself it will do little to elucidate a dark corner. But on the other hand you may have a number of rays, each of them insufficient but all converging and brought to bear upon the same point and when united, producing a body of illumination which will clear away the darkness which you are endeavouring to dispel.

[28] The learned trial judge in *Idris v. PP* said:

In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undesigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test. If it leaves gaps then it is of no use at all. As I have stated this case depends entirely upon circumstantial evidence.

[30] Keterangan ikut keadaan terhadap perayu telahpun dianalisa dan dipertimbangkan oleh hakim bicara seperti yang terdapat dalam alasan penghakiman beliau. Antara keterangan-keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa ialah:

(a) Perayu adalah orang yang terakhir berada bersama simati. Ini berdasarkan keterangan SP15 iaitu rakan serumah simati.

(b) SP12 (peniaga kereta sewa) mengesahkan bahawa motokar nombor CAC 4985 telah dipinjamkan kepada perayu mulai 14 Januari 1997.

(c) Perayu telah mencuci kereta tersebut pada 28 Januari 1997 jam 10 pagi dan ini telah disahkan oleh SP11 (pencuci kereta).

(d) SP5 telah menjual lima botol minyak petrol kepada perayu pada 28 Januari 1997 jam 2 pagi. Perayu telah memberikan sebentuk cincin kepunyaan simati kepada SP5 kerana perayu tidak mempunyai wang untuk dibayar kepada SP5 pada awal pagi itu.

(e) Barang-barang kemas simati telah digadai oleh perayu dan dia telah menyerahkan dua surat pajak gadai kepada SP19 pada 31 Januari 1997. SP4 mengesahkan bahawa perayu datang ke kedainya untuk menggadai barang-barang kemas tersebut.

(f) Telefon bimbit simati telah dibawa balik ke rumah adik perayu (SP22) pada petang hari kejadian.

(g) Mayat simati dibakar selepas simati dibunuh.

[31] Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa telah dianalisa dan ditimbang oleh hakim bicara secara menyeluruh dan dengan betul. Kami juga telah meneliti keterangan-keterangan tersebut dan kami berpendapat berdasarkan kesemua keterangan ikut keadaan yang ada dan tanpa mengambilkira P61 ia menjurus kepada satu kesimpulan sahaja iaitu perayu yang membunuh simati. Dalam kes ini kes pihak pendakwa disokong oleh P61. Kami berpuashati dan bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa di peringkat penutup kes pendakwa pihak pendakwa telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu. Oleh itu keputusan hakim bicara memanggil perayu mengemukakan pembelaannya adalah betul.

[32] Sebagaimana yang dinyatakan tadi hanya satu isu sahaja dihujahkan oleh peguambela perayu dalam rayuan ini iaitu kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh bangkitan marah besar dan

mengejut yang dimulakan oleh simati sendiri dengan tindakan simati menampar dan menyerang perayu dengan kasut. Kejadian ini juga tidak dirancang dan merupakan perkelahian mengejut yang berlaku apabila simati memaki hamun perayu dan menyerangnya. Adalah dihujahkan seterusnya bahawa berdasarkan keterangan yang ada kesalahan yang dilakukan oleh perayu hanyalah menyebabkan kematian tanpa niat untuk membunuh iaitu kesalahan di bawah s. 304 Kanun Keseksaan.

[33] Pengecualian 1 dan 4 s. 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

Exception 1

Culpable homicide is not murder if the offender, whilst deprived of the power of self control by grave and sudden provocation, causes the death of the person who gave the provocation, or causes the death of any person by mistake or accident.

The above exception is subject to the following provisoes:

(a) that the provocation is not sought or voluntarily provoked by the offender as an excuse for killing or doing harm to any person;

(b) ...

(c) ....

Exception 4

Culpable homicide is not murder if it is committed without premeditation in a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel, and without the offender having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.

Explanation – it is immaterial in such cases which party offers the provocation or commit the first assault.

[34] Perkara ini telahpun ditimbang oleh hakim bicara dimana beliau telah memutuskan bahawa keterangan perayu mengenai apa yang berlaku di dalam pondok tempat kejadian iaitu perayu memukul kepala simati dengan kayu sekali sahaja dan pukulan itu didahului dengan pertengkaran kata-kata kesat daripada simati dan pukul memukul dengan kayu di antara mereka merupakan fikir semula (afterthought) perayu untuk melepaskan diri daripada pertuduhan. Hakim bicara telah menolak pembelaan perayu dan

mengatakan pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa. Hakim bicara seterusnya menyatakan:

> 30. Walau apapun jua pembelaan T-1 jika diterima tidak juga membantu melepaskannya daripada pertuduhan membunuh. Tidak wujud bangkitan marah besar dan mengejut atau pergaduhan mengejut yang boleh menimbulkan pegecualian (1) atau (4) seksyen 300 Kanun Keseksaan. Tidak ada sebab bagi T-1 mengejar simati ke dalam pondok selepas mereka saling menampar antara satu dengan lain ekoran simati menuduhnya menipu. Dia tidak perlu naik ke pondok itu melainkan dia ada niat tak baik terhadap simati.
>
> 31. Menjawab kepada peguambela yang bijaksana T-1 mengatakan yang dia tidak akan memukul simati kalau tak kerana perkataan-perkataan "jantan celaka", "lelaki penipu" dan "nak ambil kesempatan" yang digunakan oleh simati terhadapnya. T-1 sendiri mengaku yang dia sendiri yang menyebabkan kata-kata itu dihamburkan oleh simati dan telah membangkitkan kemarahannya. Petikan keterangan pembelaannya ialah seperti berikut:
>
> > Di dalam rumah (pondok) itu kami bertengkar. Tentang saya mengungkitkan yang dia selalu ikut orang lain keluar. Saya kata buat apa cari Yusuf (T-2). Ini menimbulkan kemarahan Kamriah. Dalam masa yang sama dia memaki hamun saya dengan berbagai tuduhan. Dia kata kepada saya 'jantan celaka' dan berbagai kata makian yang kasar. Dia juga kata penipu, dasar lelaki nak ambil kesempatan. Dalam masa yang sama saya tak dapat kawal perasaan marah saya.
>
> Jelas di sini kebangkitan marah bukan datang daripada simati tetapi dari T-1 sendiri dengan itu pengecualian (1) tidak terpakai. Kes *Mat Rawi (supra)* perlu dibezakan kerana sabitan di situ diubah atas sebab salah arah Hakim perbicaraan yang membuat penemuan fakta atas isu yang sepatutnya dirujuk kepada juri. Begitu juga pengecualian (4) tidak terpakai kerana suasana di sini bukannya serangan dalam pergaduhan mengejut tanpa penyerangnya mengambil kesempatan berlebihan atau bertindak kejam atau dalam keadaan luar biasa. Pergaduhan di dalam pondok diakui disebabkan oleh provokasi daripada T-1 sendiri yang membarakan api kemarahan simati ekoran pembohongannya. T-1 juga mengambil kesempatan dan bertindak kejam apabila menerajang simati hingga tersungkur dan tak cukup dengan itu telah memukul kepalanya dengan kayu sedangkan dia tidak perlu mencederakan simati setelah merampas kayu itu daripada tangannya. Tindakan T-1 nyata jauh melebihi apa yang wajar kerana dia tahu apa yang dilakukan itu merbahaya dan boleh mendatangkan maut tetapi masih mengambil risiko melakukannya.

[35] Kami dapati hakim bicara telah memperhalusi dan mempertimbangkan dengan teliti pembelaan perayu khususnya isu yang dibangkitkan oleh peguambela perayu dihadapan kami. Beliau telah memberi penilaian yang sepenuhnya ke atas pembelaan perayu. Dalam membuat keputusannya sama ada berkaitan isu fakta atau undang-undang yang berbangkit daripada pembelaan perayu hakim bicara tidak ada melakukan apa-apa kesilapan atau salah arah dalam undang-undang. Adalah jelas bahawa kecederaan yang dialami oleh simati iaitu luka robek berganda serta patah tulang tengkorak berganda, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh hakim bicara, menunjukkan perayu memukul simati bertalu-talu di kepala dan bukan sekali seperti yang didakwa oleh perayu. Keterangan SP24 mengatakan lebih daripada satu pukulan telah ditujukan ke kepala simati berdasarkan luka berbentuk Y. Kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa terhadapnya.

[36] Mengenai Pengecualian 1 s. 300 Kanun Keseksaan Nik Hashim FCJ dalam kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281 telah memberi pandangan berikut pada ms 292:

> [14] The question whether the provocation was grave and sudden such as to make the accused to lose his self-control is a question of fact and not one of law (see Explanation to Exception 1 to s. 300 of the PC; *Kuan Ted Fatt v. Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 211 (FC). Each case is to be considered according to its own facts. The court must decide on the particular circumstances of that case whether the provocation was grave and sudden enough to permit an indulgent view of the crime committed by the accused (see Ratanlal & Dhirajlal, *The Indian Penal Code*, (29th Ed. 2002) p 1194).
>
> [15] The test of grave and sudden provocation was clearly stated in the Supreme Court case of *Lorensus Tukan v. Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 251. Seah SCJ in delivering the judgment of the court said at p 253:
>
> > The test of 'grave and sudden' provocation is whether a reasonable man, belonging to the same class of society as the accused, placed in the situation in which the accused was placed would be so provoked as to lose his self-control (see *Nanavati v. State of Maharashtra* AIR [1962] SC 605, 530)
>
> In determining what amounts to grave and sudden provocation the court may take into account the habits, manners and feelings of the class or community to which the accused belongs, but not of the particular idiosyncracies of the accused (see *Madhavan v. State of Kerala* AIR 258 (260)).

A [16] It is also said that the defence of provocation is a dual one: the alleged provocative conduct must be such as: (i) actually causes in the accused; and (ii) might cause in a reasonable man, a sudden and temporary loss of self-control as the result of which he kills the deceased.

B [17] Thus, in order to successfully set up provocation as a defence for the reduction of the offence of murder to one of culpable homicide not amounting to murder, it is not enough to show that the accused was provoked into losing his self-control; it must be shown that the provocation was grave and sudden and must have by C its gravity and suddenness caused a reasonable man to lose his self-control and induced him to do the act which caused the death of the deceased. In determining that question the court may also consider, along with other factors, the nature of the retaliation by the accused, having regard to the nature of the provocation (see *Ratanlal & Dhirajlal*, p 1192; *Vijayan v. Public Prosecutor* [1975] 2 D MLJ 8).

[37] Dalam kes *Ikau Anak Mail v. Public Prosecutor* [1973] 1 LNS 51; [1973] 2 MLJ 153 Mahkamah Persekutuan telah memberi pandangan berikut pada ms 154:

E To succeed in a defence of grave and sudden provocation, it is necessary in law for the defence to satisfy the court that not only by the act of the deceased that the accused had been deprived of the power of self-control but such acts of provocation would also have deprived a reasonable man of the power of self-control.

F **[38]** Beban ke atas perayu untuk mewujudkan pembelaan di bawah Pengecualian 1 dan 4 s. 300 Kanun Keseksaan adalah berdasarkan imbangan kebarangkalian. Dalam kes *Bala Anak Matik v. PP* [2006] 2 CLJ 229 Zulkefli JCA telah berkata pada ms 244:

G [15] Based on the above cited case authorities, it is clear that the threshold where the appellant in the present case must satisfy the court is on the balance of probabilities that the injuries that he had inflicted on the two deceased persons were as a result of grave and sudden provocation and not merely to cast a reasonable doubt on H the prosecution case. In this context, in addition to the retraction by the appellant of the cautioned statement (P28), it is our considered view that there was clearly no misdirection on the part of the learned trial judge in concluding that the appellant had failed to discharge on the balance of probabilities that he came within any of the special exceptions in s. 300 of the Penal Code.

I

[39] Dalam kes ini hakim bicara memutuskan bangkitan marah datang dari perayu sendiri iaitu apabila perayu mengungkitkan yang simati selalu ikut orang lain keluar pada hal perayu tiada apa-apa hubungan dengan simati. Hakim bicara seterusnya menyatakan apa yang dilakukan dan diucapkan oleh simati sebelum dia diserang oleh perayu, jikapun benar tidak mencukupi untuk membentuk satu bangkitan marah besar dan mengejut. Beliau berpendapat tidak ada sebab untuk perayu mengejar simati hingga ke dalam pondok selepas simati menolak kemahuannya hendak bercumbu dengan simati semasa mereka berada di luar pondok dan menyerang simati tanpa belas kasihan. Dalam kes ini keterangan menunjukkan bangkitan marah tersebut disebabkan dan dimulakan oleh perayu dan perayu menggunakan alasan tersebut untuk menyerang simati.

[40] Walaupun hakim bicara tidak menyatakan dengan jelas bahawa beliau telah menggunakan ujian seorang yang munasabah ('reasonable man') dalam memutuskan bahawa tiada bangkitan marah besar dan mengejut dalam keputusannya kami percaya hakim bicara telah menggunakan ujian 'reasonable man' untuk mencapai keputusan tersebut kerana ini adalah satu prinsip undang-undang yang mantap. Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada kami juga berpendapat perbuatan dan percakapan simati terhadap perayu sebelum dia diserang oleh perayu tidak membentuk bangkitan marah besar dan mengejut mengikut ujian seorang yang munasabah yang menyebabkan perayu hilang kawalan ke atas dirinya ("deprived the appellant of the power of self-control") untuk mewajarkan tindakbalas perayu dengan begitu kejam. Kami juga bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara bahawa proviso (a) kepada Pengecualian 1 s. 300 Kanun Keseksaan terpakai terhadap perayu kerana perayu sendiri yang menyebabkan simati bertindak sedemikian rupa terhadap perayu.

[41] Mengenai Pengecualian 4 s. 300 Kanun Keseksaan Syed Agil Barakbah SCJ telah memberi pandangan berikut dalam kes *Teoh Seng Lian (supra)* pada ms 476:

> There is a distinction between the two exceptions. In Exception 1, there must be a grave and sudden provocation sufficient to deprive the accused of the power of self-control when he killed the person who gave the provocation; in Exception 4, notwithstanding that a blow has been struck or provocation given in the origin of the dispute, it is the subsequent conduct of both parties which puts them upon equal footing in respect of guilt, that is material. It should then be left to the jury to consider whether the appellant had taken an undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.

[42] Hakim bicara telah membuat keputusan bahawa Pengecualian 4 tidak terpakai kerana perayu telah mengambil kesempatan berlebihan atau bertindak kejam atau bertindak dalam keadaan luar biasa. Fakta kes menunjukkan perayu telah menerajang simati hingga tersungkur dan seterusnya memukul kepala simati dengan kayu beberapa kali sehingga menyebabkan kecederaan luka robek berganda kepala simati serta patah tulang berganda dan simati mati akibat kecederaan teruk di kepalanya. Tidak ada sebab perayu perlu menyerang simati dengan begitu kejam setelah dia merampas kayu daripada simati kerana simati tidak bersenjata dan lagipun simati seorang perempuan. Pada ketika itu simati tidak mampu menyerang dan tidak mengancam serta mendatangkan bahaya kepada perayu. Dengan itu kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa Pengecualian 4 s. 300 Kanun Keseksaan juga tidak terpakai terhadap perayu.

[43] Kami telah meneliti dan memperhalusi dengan cermat keterangan yang ada dalam rekod rayuan dan isu yang ditimbulkan oleh peguambela terpelajar dalam rayuan ini serta penghakiman hakim bicara. Kami berpuashati hakim bicara tidak terkhilaf apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah di akhir kes. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dihuraikan di atas kami berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat. Oleh itu kami telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman mati ke atasnya.